

**PM: Transformasi tak akan berlaku tanpa perpaduan  
Malaysiakini.com  
September 22, 2010**

Datuk Seri Najib Razak berkata pelan-pelan transformasi yang dirangka kerajaan tidak akan berlaku tanpa perpaduan serta keharmonian antara kaum.

Perdana Menteri berkata pada masa ini, kerajaan telah merangka beberapa pelan transformasi, antaranya Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) bagi melonjakkan ekonomi negara.

"Sehari dua ini kita dengar tentang Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan sebagainya. Ingat, tidak akan berlaku sebarang transformasi tanpa perpaduan dan keharmonian nasional," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis muhibah Perdana Menteri bersama pemimpin-pemimpin agama sempena sambutan Hari Malaysia di Kementerian Kewangan di Putrajaya hari ini.

Najib berkata jika kerajaan memberi tumpuan kepada soal pembangunan dan ekonomi sahaja tanpa melihat kepada keperluan lain seperti perpaduan dan keharmonian antara kaum dan agama, maka negara akan hancur.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/143338>